



29 JUN, 2025

## Malaysia perlu bakat kepakaran teknikal dalam sektor tenaga - Fadillah



Sinar Harian, Malaysia

### Malaysia perlu bakat kepakaran teknikal dalam sektor tenaga - Fadillah

**MOSCOW** - Malaysia amat memerlukan bakat dan kepakaran teknikal dalam bidang kejuruteraan elektrik, tenaga boleh baharu, sistem grid dan teknologi nuklear seiring dengan tumpuan kerajaan dalam sektor tenaga masa hadapan, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Beliau yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berkata, peluang kerjaya dalam bidang ini semakin meluas, bukan hanya dalam sektor awam, malah di syarikat teknologi tinggi yang sedang berkembang pesat.

Menurutnya, kerajaan menjangkakan tenaga nuklear akan memainkan peranan yang lebih besar dalam campuran tenaga nasional justeru itu sedang mengkaji secara serius penggunaan tenaga nuklear sebagai antara pilihan strategik bagi memastikan keterjaminan tenaga untuk generasi akan datang.

"Lawatan ke Rusia memberi peluang meneliti teknologi, keselamatan dan model pengoperasian loji tenaga nuklear yang berpotensi untuk disesuaikan di Malaysia," katanya semasa berucap pada Majlis Ramah Mesra bersama rakyat Malaysia di Rusia di sini pada Jumaat.

Majlis berkenaan dihadiri 150 pelajar dan delegasi Timbalan Perdana Menteri ke Rusia.

Fadillah menegaskan, keterjaminan tenaga dan air adalah antara tonggak utama dalam membangunkan negara maju.

Menurutnya, kedua-dua sektor ini menjadi keutamaan dalam perbincangan dua hala bersama kerajaan Rusia.

"Pelabur menunjukkan minat yang tinggi terhadap potensi sektor tenaga di Malaysia terutama dalam bidang teknologi tinggi dan lestari," katanya.

Selain itu, Fadillah berkata, keyakinan politik yang kukuh ini menjadi asas penting untuk pertumbuhan ekonomi dan pelaburan asing.

- Bernama